



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 20 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BENIH PADI IS21 BUKTI KEGUNAAN TEKNOLOGI NUCLEAR, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	INOVASI BENIH PADI IS21 GUNA ARUHAN SINAR GAMA, UM -ONLINE	
3.	BENIH PADI BAHARU IS21 MAMPU TINGKATKAN HASIL LEBIH TINGGI: ADHAM, SH -ONLINE	
4.	MAFI LAKSANA R&D VARIETI BENIH PADI BAHARU, SESUAI MASALAH SETEMPAT, BERNAMA -ONLINE	
5.	MAFI ALUKAN PEMBANGUNAN BENIH PADI IS21, SH -ONLINE	
6.	MAFI IMPLEMENTS R&D OF NEW VARIETIES OF PADI SEEDS, THE SUN DAILY -ONLINE	
7.	PADANAN PEMINDAHAN ILMU DAN TEKNOLOGI MODEN PACU KELESTARIAN PERTANIAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
8.	PASTIKAN BEKALAN MAKANAN NEGARA MENCUKUPI, SARAWAK VOICE -ONLINE	
9.	PM LANCAR BENIH PADI, IS21 BERDAYA TAHAN, PRODUKTIVITI TINGGI, UM -ONLINE	
10.	BAKA PADI BAHARU IS21 MAMPU TINGKATKAN PENGELUARAN PADI NEGARA, HM -ONLINE	
11.	PM LANCAR BAKA PADI BAHARU IS21 HASIL INOVASI AGENSI NUKLEAR MALAYSIA, DAGANG NEWS -ONLINE	
12.	PM TO LOCAL RESEARCHERS: MOBILISE EFFORTS FOR AGRO-FOOD INNOVATION, NST -ONLINE	
13.	BENIH PADI IS21 MAMPU TINGKATKAN HASIL LEBIH TINGGI - ADHAM, BERNAMA -ONLINE	
14.	ISU HARGA BAJA DAN RACUN: KERAJAAN BANTU KURANGKAN BEBAN PESAWAH, PETANI -PM, SUARA TV -ONLINE	
15.	KENAIKAN HARGA BAJA DAN RACUN: KERAJAAN BANTU KURANGKAN BEBAN PESAWAH, PETANI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
16.	BENIH PADI IS21 TINGKATKAN HASIL 40-67 PERATUS LEBIH TINGGI, BH -ONLINE	
17.	LPNM SEDIA GERAN RM20,000 KEPADA BELIA SERTA PENANAMAN NANAS SECARA BERKELOMPOK, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	KOSMO	ONLINE	

Benih padi IS21 bukti kegunaan teknologi nuclear



SABAK BERNAM – Benih Padi IS21 yang telah dibangunkan Agensi Nuklear Malaysia membuktikan teknologi nuklear memainkan peranan besar dalam penambahbaikan hasil tanaman di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, IS21 merupakan antara pencapaian terbaik kajian biak baka mutasi di Malaysia serta mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan dalam

industri padi negara bagi mencapai matlamat sekuriti makanan negara yang dihadapi kini.

“Secara umumnya, masih ramai kurang menyedari peranan besar teknologi nuklear dengan kepelbagaian tanaman baharu dapat dihasilkan bukan sahaja tahan penyakit malah cepat matang dan memberikan hasil pulangan yang lebih tinggi kepada para pesawah dan petani.

“Justeru, kita berharap dapat merungkai persoalan berhubung penggunaan teknologi nuklear serta memberi kelegaan kepada masyarakat terhadap keselamatan bahan dan produk agro makanan hasil daripada penyelidikan dan pembangunan teknologi berkenaan,” katanya ketika berucap pada pelancaran benih padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi, Sekinchan hari ini.

Pelancaran telah disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Adham berkata, projek penyelidikan dan pembangunan varieti padi IS21 ini telah bermula sejak tahun 2005 dengan kerjasama daripada pelbagai pihak antaranya Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Jabatan Pertanian.

Jelas beliau, pelbagai ujian telah dijalankan bagi varieti itu oleh Jabatan Pertanian pada tahun 2015 yang pensijilan Plant Variety Protection.

“Kemudiannya Agensi Nuklear Malaysia telah memperoleh dana di bawah program Malaysia Social Innovation pada tahun 2016 dengan ujian multilokasi dan ujian penentusahan tempatan telah dijalankan bersama komuniti pesawah padi di Pendang, Kedah dan di beberapa lagi lokasi jelapang padi utama di Malaysia.

“Pada tahun ini juga, varieti padi ini telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras. Ini seterusnya mengiktiraf varieti padi ini sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi dengan pesawah boleh mendapatkan benih padinya pada harga RM35 untuk 20kilogram menerusi skim tersebut,” katanya. -K!ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Inovasi benih padi IS21 guna aruhan sinar gama



DR. ADHAM Baba (tengah) menunjukkan dulang mengandungi padi IS21 kepada Ismail Sabri Yaakob sambil disaksikan Noh Omar (dari kiri), Amirudin Shari dan Ronald Kiandee dalam Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Benih Padi di Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor, hari ini.

SEKINCHAN: Benih padi jenis IS21 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini adalah hasil inovasi menggunakan teknologi nuklear bagi menambah baik baka biak padi.

Penghasilan benih padi IS21 itu menggunakan kaedah mutasi aruhan sinaran gama ke atas tanaman tanaman padi sebagai alternatif kepada prosedur pembaikbakaan konvensional.

Penghasilan benih berkenaan dikatakan sebagai pencapaian terbaik kajian biak baka mutasi padi di negara ini dengan bercirikan agronomi diperlukan seperti hasil tuaian tinggi sehingga 35 peratus, daya tahan terhadap penyakit serta mampu bertahan dalam cuaca kemarau dan banjir.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, penyelidikan terhadap benih padi itu bermula pada 2005 menerusi kerjasama institusi pendidikan seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Katanya, selain institusi pendidikan ia turut melibatkan Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian.

“Ujian *distinctness*, *uniformity* dan *stability* bagi varieti ini dijalankan oleh Jabatan Pertanian pada 2015 yang membawa kepada pensijilan *Plant Variety Protection*.

“Kemudian pada 2016, Agensi Nuklear Malaysia memperoleh dana di bawah program Malaysia Social Innovation atau lebih dikenali dengan MySI yang mana ujian multilokasi (*Multi Location Trial*) dan ujian penentusahan tempatan (*Local Verification Trial*) dijalankan bersama komuniti pesawah padi di Pendang, Kedah dan di beberapa lagi lokasi jelapang padi utama di Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 yang turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Benih Padi, di sini, hari ini.

Dr. Adham berkata, inovasi benih padi itu diyakini berpotensi meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi para pesawah di seluruh negara.

Terdahulu, Ismail Sabri melancarkan benih padi IS21 yang diyakini mampu meningkatkan hasil tuaian sehingga 67 peratus atau sembilan tan metrik pengeluaran sehektar mengikut kawasan penanaman.

Selain itu kos penanaman seperti penggunaan baja dan racun perosak juga dapat dikurangkan sehingga 20 peratus.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, benih padi yang dihasilkan melalui kaedah inovasi nuklear tersebut mempunyai ketahanan terhadap perubahan cuaca mendadak, tekanan biotik dan abiotik serta pengeluaran hasil cepat berkualiti dari segi zat dan nutrisi.

Justeru, sehingga kini terdapat lebih 15,000 pesawah padi di seluruh negara menerima padi IS21 yang boleh membantu mereka meningkatkan produktiviti lebih tinggi berbanding purata kebangsaan.

“Usaha membangunkan semula benih padi menggunakan teknologi baharu oleh Nuklear Malaysia mula membuka peluang perusahaan dan pekerjaan amat memberangsangkan kepada penduduk Sekinchan dan sekitarnya.

“Ini adalah contoh hasil penyelidikan dari makmal ke pasaran yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan,” jelasnya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Benih padi baharu IS21 mampu tingkatkan hasil lebih tinggi: Adham



Dari kanan: Dr Ronald, Dr Adham, Amirudin, Ismail Sabri dan Noh ketika gimik perasmian Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, pada Sabtu.

SEKINCHAN - Pengenalan benih padi jenis IS21 yang dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinar gama dilihat mampu mempertingkatkan produktiviti industri

padi dan beras sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan akibat peningkatan populasi masyarakat di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia berikutan laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menjangkakan peningkatan penduduk dunia kepada 9.7 bilion menjelang tahun 2050.

Menurutnya, Pertubuhan Makanan dan Pertanian turut menganggarkan pengeluaran pertanian dan makanan bakal menunjukkan peningkatan kira-kira 70 peratus bagi memenuhi permintaan makanan serta pemakanan masyarakat global menjelang 2050.

"Untuk memastikan matlamat transformasi negara ke arah negara berteknologi tinggi, program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dikenal pasti sebagai salah satu teras utama Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) iaitu pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang Makmur, inklusif dan mampan.

"Usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memantapkan penyelidikan teknologi agromakanan seperti benih padi IS21 adalah selaras dengan hasrat transformasi ekonomi negara daripada status pengguna teknologi kepada pembangun teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, penghasilan benih padi IS21 oleh Agensi Nuklear Malaysia melalui MOSTI turut mendapat pengiktirafan daripada International Atomic Energy Agency dan Food and Agriculture Organisation sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria pada September lalu menerusi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman.

Katanya, ia adalah bukti kejayaan kerajaan melalui MOSTI dan Agensi Nuklear Malaysia berjaya mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Amirudin (dua dari kanan) bersama Ismail Sabri melawat tapak pameran pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, pada Sabtu.

"Saya berharap MOSTI akan terus tampil dengan hasil penyelidikan dan pembangunan berkualiti yang mampu melakar lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

"Inisiatif MOSTI menghasilkan varieti padi baharu IS21 ini adalah salah satu usaha pelengkap dalam usaha meningkatkan sekuriti makanan negara dan selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri padi negara, serta mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan," ujarnya.

Sementara itu, Padi IS21 ini telah diiktiraf oleh Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi negara.

Melalui subsidi ini, pesawah boleh mendapatkan benih padi pada harga RM35 untuk 20 kilogram (kg) dan setakat ini, terdapat lebih 15,000 pesawah padi di seluruh negara menerima serta menanam benih padi jenis IS21 tersebut.

Dalam perkembangan lain, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, penghasilan benih padi jenis IS21 merupakan antara pencapaian terbaik kajian biak baka mutasi di Malaysia serta mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan dalam industri padi negara bagi mencapai matlamat sekuriti makanan negara yang sedang dihadapi.

Beliau berkata, projek penyelidikan dan pembangunan varieti padi IS21 yang bermula sejak tahun 2005 mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian.

"Masih ramai kurang menyedari bahawa teknologi nuklear memainkan peranan besar dalam penambahbaikan hasil tanaman dan mampu membasmi serangga perosak dengan menghalang pembiakannya.

"Banyak kepelbagaian tanaman baharu dapat dihasilkan yang tahan penyakit, cepat matang dan memberikan hasil pulangan yang lebih tinggi kepada para pesawah dan petani.

"Selain itu, sektor lain yang turut mendapat manfaat daripada teknologi nuklear ini adalah bidang perubatan, bioteknologi, alam sekitar, industri dan pembuatan," katanya.

Turut hadir ketika majlis perasmian tersebut ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Ng Suee Lim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI laksana R&D varieti benih padi baharu, sesuai masalah setempat



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

KUALA LUMPUR, 20 Nov -- Penyelidikan dan pembangunan (R&D) varieti benih padi baharu sedang dilaksanakan dengan memfokuskan kepada pembangunan varieti bersesuaian dengan masalah setempat.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan hari ini menyatakan masalah setempat termasuk air masin, kawasan kurang air (tadahan hujan), kemarau dan kawasan hotspot penyakit serta perosak.

"Varieti-varieti ini akan diperkenalkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," menurut kenyataan dikemukakan MAFI sempena Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sekinchan, Selangor, hari ini.

Kerajaan sentiasa memberi penekanan khusus bagi meningkatkan perbelanjaan dan pelaburan awam untuk tujuan R&D, bagi memastikan kelestarian pengeluaran varieti padi baharu dalam usaha meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti hasil pertanian, pada masa hadapan.

MAFI turut memaklumkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) bekerjasama dengan syarikat panel pengeluar benih sah bagi menjamin kesediaan benih untuk petani.

Menurut kenyataan itu, beberapa syarikat juga memohon untuk menjadi pengeluar benih daftar dan sah bagi padi wangi Kembang Sari dan varieti padi wangi MRQ 103 yang bakal dilancarkan pada tahun depan.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata MAFI melalui MARDI sentiasa proaktif melaksanakan pembangunan varieti benih padi baharu menerusi R&D pertanian secara berterusan.

Menyentuh mengenai benih padi baharu IS21, beliau berkata pembangunan varieti padi secara berterusan di negara ini adalah amat diperlukan bagi memastikan rantaian nilai bagi industri padi dan beras negara tidak terganggu.

"Ini juga dalam menghadapi pelbagai isu dan cabaran seperti serangan penyakit pokok atau serangga makhluk perosak, bencana alam seperti kemarau dan banjir, dan sebagainya. Tanpa varieti padi yang rintang penyakit dan berdaya tahan, maka ia akan menjejaskan pengeluaran beras dan sekuriti bekalan makanan negara," katanya.

Hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melancarkan benih padi IS21, yang mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca tidak menentu dan rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

MAFI turut menggalakan dan menggalakkan jabatan, agensi serta Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk bekerjasama rapat dalam pembangunan varieti benih padi baharu, dengan mengambil kira perubahan persekitaran bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi.

Sehingga kini, terdapat 57 varieti benih padi telah diisytihar oleh kerajaan sejak 1964, yang terdiri daripada padi biasa atau 'inbred', padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI alukan pembangunan benih padi IS21



Dari kanan: Dr Ronald, Amirudin, Dr Adham, Ismail Sabri dan Noh ketika gimik perasmian Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, di sini pada Sabtu.

SEKINCHAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengalu-alukan usaha Agensi Nuklear Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

(MOSTI) membangunkan benih padi baharu IS21 hasil daripada kajian biak baka mutasi.

Menterinya, Datuk Dr Ronald Klandee berkata, benih baharu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob pada Sabtu itu merupakan benih daripada induk MR219 dan didaftarkan di Bahagian Perlindungan Varieti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia sebagai varieti NMR152.

Ia juga mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras, MAFI pada 29 Januari 2021 sebagai padi sah negara membolehkan varieti berkenaan digunakan oleh pesawah dalam Program Insentif Benih Padi Sah.

Menurutnya, terdapat 57 varieti benih padi diisytihar oleh kerajaan sejak tahun 1964 yang telah dibangunkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI); dua varieti dari Universiti kebangsaan Malaysia (UKM); dua varieti dari Universiti Putra Malaysia (UPM); dan satu daripada Agensi Nuklear Malaysia.

Tambahnya, varieti benih padi tersebut terdiri daripada padi biasa atau inbred, padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

"Pembangunan varieti padi secara berterusan di negara ini adalah amat diperlukan bagi memastikan rantaian nilai bagi industri padi dan beras negara tidak terganggu.

Ia juga dalam menghadapi pelbagai isu dan cabaran seperti serangan penyakit pokok atau serangga makhluk perosak, bencana alam seperti kemarau dan banjir dan sebagainya.

"Tanpa varieti padi yang rintang penyakit dan berdaya tahan, maka ia akan menjejaskan pengeluaran beras dan sekuriti bekalan makanan negara," katanya selepas menghadiri Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sungai Leman, di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Dr Ronald berkata, MAFI melalui MARDI sentiasa proaktif melaksanakan pembangunan varieti benih padi baharu menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian secara berterusan untuk memastikan kelestarian pengeluaran varieti padi baharu demi meningkatkan kecekapan pengeluaran serta produktiviti hasil tani.

Ujarnya, MAFI turut menggalakkan mana-mana jabatan, agensi serta institut pengajian tinggi (IPT) untuk bekerjasama dalam pembangunan varieti benih padi baharu dengan mengambil kira perubahan persekitaran bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi.

Dr Ronald berkata, MAFI sentiasa meningkatkan pengeluaran beras negara melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) varieti benih padi baharu bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras sebanyak 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan 80 peratus dalam tempoh Dasar Agromakanan Negara 2.0.

"Pada tahun ini, dua varieti baharu juga diisytiharkan oleh MARDI iaitu MR 315 jenis padi beras putih biasa dan MRQ 104 iaitu beras wangi yang masing-masing diberi nama sebagai Seri Waja dan Kembang Sari.

"Ini adalah sebagai pilihan tambahan kepada petani dan pengilang memandangkan beras istimewa ini mempunyai permintaan tempatan yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan petani.

"MARDI turut berkerjasama dengan syarikat panel pengeluar benih sah bagi menjamin kesediaan benih untuk petani dan beberapa syarikat memohon untuk menjadi pengeluar benih daftar dan sah bagi padi wangi Kembang Sari dan varieti padi wangi MRQ 103 yang bakal dilancarkan pada tahun 2022," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	THE SUN DAILY	ONLINE	

Mafi implements R&D of new varieties of padi seeds



KUALA LUMPUR: Research and development (R&D) of new varieties of padi seeds is being carried out to develop varieties that can adapt to local problems.

Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) in a statement today said these problems include saline water, water scarcity, and drought as well as diseases and pests.

"These varieties will be introduced during the 12th Malaysia Plan (12MP) period," read the statement issued in conjunction with the launch of the IS21 Padi Seed by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob in Sekinchan, Selangor today.

It said the government gives emphasis on increasing public spending and investment for R&D purposes to ensure the sustainability of the production of new rice varieties.

Mafi also said the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) is working with panel companies authorised to produce seeds to ensure availability to farmers.

According to the statement, several companies have applied to be authorised seeds producers for Kembang Sari fragrant rice and MRQ 103 fragrant rice variety to be launched next year.

Meanwhile, Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said Mardi is proactively developing new varieties of padi seeds through ongoing R&D.

On the new IS21 padi seed, he said ongoing development of padi varieties is highly needed to ensure the country's value chain for padi and rice industry is not disrupted.

"This (move) is also to address various issues and challenges such as diseases or pests, natural disasters such as droughts and floods, and so on. The absence of disease-resistant and resilient padi varieties will affect rice production and the country's food security," he said.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob today launched the IS21 padi seed, which is highly resistant to unpredictable weather and several diseases.

To date, 57 varieties of padi seeds have been declared by the government since 1964 for common or inbred rice, fragrant rice, colour rice, herbicide-resistant rice and aerobic rice.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Padanan pemindahan ilmu dan teknologi moden pacu kelestarian pertanian



Pusat Inovasi Agriteknologi milik UTM

DASAR Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dilancarkan pada 25 Oktober lalu yang bersifat inklusif telah memberi tumpuan khusus jaminan bekalan makanan yang berdaya tahan, selamat dan bernutrisi.

Impak kepada dasar yang penting ini harus dijadikan panduan kepada pemain industri yang berkepentingan dan pemegang taruh

dalam pertanian untuk melihat kembali peranan yang harus digembeling bersama untuk menjayakan agenda ini sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kepada import makanan yang tinggi.

Keterangkuman DAN 2.0 melalui 5 teras utama berhasrat untuk mendukung pemodenan pertanian dan pengukuhan sekuriti makanan melalui pemerkasaan penyelidikan dan inovasi.

Pandemik Covid-19 banyak mengajar kita tentang peri pentingnya penjagaan kesihatan diri. Ini boleh dicapai melalui pengambilan makanan yang seimbang dan mencukupi. Komposisi pengambilan makanan semasa pandemik haruslah bernutrisi untuk memastikan masyarakat mempunyai daya imunisasi tahan kuat melawan virus.

Pemberian bakul makanan segar perlu juga dititikberatkan. Tambahan, penggunaan teknik pemprosesan yang betul mampu menjamin ketahanan kesegaran makanan terutama kepada mereka yang terkesan dan menjalani tempoh kuarantin yang lama.

Hasil segar ladang terdiri daripada buah-buahan dan sayuran boleh bertahan kesegaran melalui teknik pemprosesan berasaskan teknologi sejuk beku kering. Jangka hayat ketahanan produk makanan bukan sahaja dapat dijamin untuk tempoh masa yang lama malah nilai nutrisi sebenar dan aroma, rasa serta struktur tekstur asal masih boleh dilindungi sebaiknya jika dibandingkan proses pengeringan biasa.

Walaupun pembangunan produk hiliran lain berasaskan buah dan sayuran sedia ada seperti pemprosesan kepada jus minuman masih menjadi pilihan industri, adalah tidak janggal jika teknologi sejuk kering ini dipertingkatkan kadar aplikasinya kerana kelebihan yang dimilikinya.

Hasil tinjauan prediksi ekonomi diperingkat global oleh *Foresight Industry Research Institute*, mengunjurkan bahawa hasil berasaskan teknologi sejuk beku kering ini telah mendapat permintaan yang begitu tinggi susulan pandemik dan dijangka terus meningkat sehingga 5 tahun mendatang.

Berkonsepan sedia untuk dimakan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui pusat penyelidikannya, *Innovation Center In Agritech* (ICA) giat mempromosi

produk bebas bahan pengawet ini sebagai gantian snek ringan tipikal kepada yang lebih sihat.

Selain itu, untuk memastikan jaminan sekuriti makanan negara lebih lestari, UTM melalui Konsortium Pertanian telah mengumpulkan himpunan penyelidik mencakupi kepakaran termasuk teknologi pembangunan produk makanan, formulasi bajaan, pengekstrakan bahan aktif terpilih dan revolusi pertanian internet benda (IoT) bertujuan memacu inovasi terkini dalam dunia pertanian serta melibaturuskan aplikasi teknologi pintar secara sinergi bagi melihat sektor ini berdaya tahan mampan.

Contoh lain, mengambil maklum kadar kecukupan negara yang belum tercapai, pengenalan varieti padi baru PadiU Putra, hasil kajian oleh UPM telah membuktikan penemuan makmal boleh diterjemahkan bagi tujuan sekuriti makanan negara.

Dengan pendekatan University 4 Society (U4S) dan kolaborasi Quadruple Helix, aplikasi ilmu teoritikal pertanian mampu dimodenkan dan ditambah skala penggunaannya kepada lebih besar sesuai dengan realiti dunia sebenar di lapangan bagi memenuhi permintaan pengguna masyarakat teramai.

Malah, dengan sokongan daripada DAN 2.0 untuk melihat pembangunan bakat, kepakaran universiti boleh diberikan fokus dan rujukan sebagai platform yang berpotensi melatih agroprenuer yang berteknologi tinggi.

Berbekalkan inisiatif terdahulu oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MAFI) seperti Program Agroprenuer Muda (PAM), graduan atau belia yang berkebolehan mampu dilatih sebagai usahawan tani dengan latihan yang teratur, sebagai persiapan menjadi agroprenuer yang kompeten.

Bahkan, kerjaya sebagai agroprenuer kian mendapat tempat dikalangan golongan muda apabila menyaksikan pertambahan kelulusan pembiayaan oleh pihak AgroBank.

Kini, sokongan pembiayaan yang kondusif telah menjadi pemangkin kepada penglibatan graduan muda dalam sektor kalis kemelesetan ini. Usaha mendapatkan persijilan Halal akan dipergiatkan dan melalui Pusat Inkubator Halal yang berperanan untuk membimbing golongan usahawan tani ini supaya produk mereka mampu memenuhi permintaan pasaran global.

Komitmen kerajaan melalui JAKIM dengan perlantikan UTM sebagai salah satu pusat latihan halal telah membuktikan kepercayaan kepada kepakaran akademia menangani aspek latihan persijilan.

Sebahagian besar isu membelenggu dunia pertanian di Malaysia seperti kurangnya golongan belia menceburi bidang pertanian, varieti pokok yang tiada kerintangan penyakit, kos input pertanian yang melambung, kurang sokongan kepada jaringan kitar pemasaran dan teknologi pemprosesan produk hiliran mampu dikurangkan bebanannya jika pemindahan kajian inovasi diperhebatkan.

Melihat kepada perkembangan positif usaha yang dimainkan oleh para penyelidik negara ketika berhadapan pandemik, gerak kerja komprehensif yang menghubungkan idea akademia perlu disemarakkan supaya pulangan tinggi dapat diraih untuk kemajuan bersama.

Buah fikiran dan hasil inovasi mereka bukan hanya untuk diraih untuk anugerah penyelidikan semata, tetapi untuk dimanfaatkan buat seluruh Keluarga Malaysia.

Tuntasnya, segala teras dan strategi yang dilakar oleh pihak MAFI harus didukung dan diterjemahkan dengan platform sedia ada di peringkat institut pendidikan tinggi negara.

Mentaliti in-silo tidak harus lagi diamalkan tidak mengira semua pihak, bahkan kerjasama bersepadu dan sinergi dengan pihak luar perlu dijadikan agenda baru padanan silang pemindahan ilmu kerjaan-akademia-industri-masyarakat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	SARAWAK VOICE	ONLINE	

Pastikan bekalan makanan negara mencukupi



KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) telah membincangkan aspek-aspek yang berpotensi bagi memperkukuh sekuriti makanan negara.

Menteri Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sejak penubuhan FSCC pada 25 Mac 2020, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk merapatkan jurang yang dikenal pasti dalam sistem makanan negara, khususnya bagi memastikan

kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli secara berterusan kepada rakyat.

“Antaranya cadangan insentif untuk pengeluar makanan sihat dan berkhasiat, pemantauan dan penguatkuasaan pengimportan daging, mekanisme pemantauan bekalan dan harga bahan makanan khususnya bawang dan cili serta penubuhan Lembaga Ruminan Negara (LRN).

“Pelaksanaan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) juga merupakan antara solusi yang dicapai menerusi platform ini untuk meningkatkan produktiviti industri padi dan beras negara.

“Program ini mensasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak dan sewaan,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Ahli Parlimen Batang Lupar, Dato’ Sri Rohani Abdul Karim yang menyatakan apakah dapatan dan solusi yang dicapai menerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Jaminan Makanan yang dipengerusikan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan setahun yang lalu.

Selain itu, katanya MAFI secara kolaborasi merentasi agensi dan kementerian telah membangunkan satu pelan tindakan khusus iaitu Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025.

“Ia bertujuan menterjemah inisiatif-inisiatif berteraskan peningkatan daya tahan sistem makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantai bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan.

“Saranan dan pandangan pelbagai pihak seperti pemain industri, ahli akademik serta badan bukan kerajaan (NGO) telah diambil kira dalam menyediakan pelan tindakan ini, termasuk saranan-saranan penambahbaikan yang dibangkitkan oleh The Economist Intelligence Unit (EIU) menerusi Laporan Global Food Security Index (GFSI) 2020.

“Pelaksanaan pelan tindakan ini akan dipantau secara strategik menerusi empat kluster atau jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan merentasi agensi dan kementerian dengan mengoptimumkan platform sedia ada.

“Kluster-kluster ini juga bertanggungjawab dalam meneliti isu dan saranan berlandaskan dimensi sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampanan untuk pertimbangan jawatankuasa kabinet kelak,” jelas beliau lagi.

Datuk Seri Dr Ronald memberitahu lagi, di samping itu, satu kumpulan kerja atau Taskforce Data Sekuriti Makanan Negara telah diwujudkan bagi mengenal pasti sumber dokumen GFSI yang berpotensi menjadi rujukan dengan mengumpul data tersedia di kementerian dan agensi berdasarkan indikator GFSI.

“Dalam hal ini, diyakini dengan usaha-usaha yang sedang dan bakal dilaksanakan akan menyumbang kepada usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang dalam sistem makanan agar kekal utuh dalam mengharungi sebarang krisis,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

PM lancar benih padi, IS21 berdaya tahan, produktiviti tinggi



ISMAIL Sabri Yaakob melakukan gimik pelancaran benih padi IS21 sambil disaksikan Noh Omar (dari kiri), Amirudin Sari, Adham Baba dan Ronald Kiandee dalam Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Benih Padi di Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor hari ini.

SEKINCHAN: Perdana Menteri,

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melancarkan varian benih padi baharu yang dihasilkan menerusi penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Benih padi yang dinamakan sebagai IS21 itu adalah inovasi dalam industri padi negara dilihat mampu meningkatkan hasil tuaian sehingga 67 peratus atau sembilan tan pengeluaran sehektar mengikut kawasan penanaman.

Selain itu kos penanaman seperti penggunaan baja dan racun perosak juga dapat dikurangkan sehingga 20 peratus.

Ismail Sabri berkata, inovasi benih padi itu adalah komitmen kerajaan untuk memastikan sumber makanan itu terjamin, selamat dan mencukupi, kerajaan sentiasa berusaha ke arah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi dan beras.

“Suka saya kongsi beberapa keistimewaan varieti benih padi IS21 ini. Untuk makluman, benih padi ini berdaya tahan tinggi terhadap cuaca yang tidak menentu dan mempunyai rintangan terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

“Selain itu, baka padi IS21 ini juga berpotensi memberi hasil tuai yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan kerajaan,” katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Benih Padi di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan wujud kebimbangan terhadap kekurangan bekalan apabila permintaan makanan global yang dijangka meningkat pada 2050 berdasarkan peningkatan penduduk dunia pada tahun berkenaan kepada 9.7 bilion seperti dilaporkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Namun, perubahan iklim dijangka menyumbang kepada masalah kekurangan bekalan makanan dunia pada masa hadapan. Malah mutakhir ini, kesan perubahan iklim telah mula dirasakan dengan pendapatan golongan yang berada dalam sektor pertanian terjejas akibat pengurangan hasil.

“Kerajaan sentiasa memastikan usaha bagi mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi-teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan lagi keupayaan,” katanya.

Bagaimanapun, Ismail Sabri menjelaskan, tanggungjawab itu tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan, pesawah dan petani semata-mata tetapi memerlukan usaha bersama selaras konsep Keluarga Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Baka padi baharu IS21 mampu tingkatkan pengeluaran padi negara



ISMAIL Sabri (dua, kiri) melancarkan benih padi IS21. FOTO Mohamad Shahril Badri Saali

Kuala Selangor: Baka padi baharu, dikenali sebagai IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga sembilan tan sehektar dengan hasil tuaian meningkat antara 40 hingga 67 peratus, sekali gus meningkatkan sara diri padi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, IS21 yang dijana melalui

teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinaran gama itu mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan.

Menurutnya, inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menghasilkan varieti padi baharu itu adalah usaha meningkatkan sekuriti makanan negara.

"Kerajaan sentiasa memastikan usaha bagi mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras dilakukan secara proaktif termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan lagi keupayaan.

"Namun, tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan, pesawah dan petani semata-mata tetapi memerlukan usaha bersama sebagaimana sering saya tekankan iaitu keterangkuman serta kebersamaan yang menjadi teras utama konsep Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran benih padi IS21 di Sekinchan di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Mosti Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Tan Sri Noh Omar dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, usaha Mosti dalam memantapkan penyelidikan teknologi makanan adalah selaras sasaran utama kerajaan ke arah negara berteknologi tinggi dan berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, program penyelidikan, pembangunan, pengkormesilan dan inovasi (R&D&C&I) dikenal pasti sebagai antara teras utama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Katanya, kemajuan yang diraih Mosti membantu negara bersiap siaga mendepani cabaran keselamatan serta bekalan makanan mencukupi berikutan jangkaan peningkatan penduduk dunia menjelang 2050.

"Benih padi IS21 yang dihasilkan Agensi Nuklear Malaysia di bawah Mosti ini menerima pengiktirafan daripada 'International Atomic Energy Agency dan Food and Agriculture Organisation' sempena Persidangan Agong ke-65 di Vienna, Austria pada September lalu.

"Pengiktirafan yang diterima adalah bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman. Benih padi IS21 ini adalah bukti kejayaan kerajaan melalui Mosti dan Agensi Nuklear Malaysia yang mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan kerajaan melalui Bajet 2022 meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi dengan peruntukan RM1.53 bilion yang bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos sehingga 60 peratus daripada keseluruhan kos pengeluaran padi.

Tambah beliau, kerajaan juga sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

Pendekatan itu katanya, dijangka berupaya mewujudkan persekitaran industri kawal selia sendiri seterusnya mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rantaian pengeluaran padi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	DAGANG NEWS	ONLINE	

PM lancar baka padi baharu IS21 hasil inovasi Agensi Nuklear Malaysia



SEKINCHAN 20 Nov - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melancarkan baka padi baharu IS21, yang diinovasi oleh Agensi Nuklear Malaysia, yang merupakan sebahagian daripada projek teknologi berimpak tinggi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Beliau berkata, Agensi Nuklear Malaysia yang menghasilkan benih padi IS21 ini telah menerima pengiktirafan daripada International Atomic Energy Agency dan Food and Agriculture Organisation sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria pada bulan September baru-baru ini.

Menurutnya, pengiktirafan yang diterima adalah bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman.

"Benih padi IS21 ini adalah bukti kejayaan kerajaan melalui MOSTI dan Agensi Nuklear Malaysia yang telah mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

"Syabas dan tahniah diucapkan. Saya berharap MOSTI akan terus tampil dengan hasil penyelidikan dan pembangunan berkualiti yang mampu melakar lebih banyak kejayaan di masa hadapan," kata beliau pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Padi Asas dan Tapak Penyelidikan Padi, Sungai Leman, Sekinchan hari ini.

Perdana Menteri berkata, beberapa keistimewaan varieti benih padi IS21 ini ialah benih padi ini berdaya tahan tinggi terhadap cuaca yang tidak menentu dan mempunyai rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.



Selain itu ujar beliau, baka padi IS21 ini juga berpotensi memberi hasil tuai yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan para pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan kerajaan.

"IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga 9 tan sehektar mengikut kawasan penanaman. Sementara itu, kos penanaman dapat dikurangkan sebanyak 10 hingga 20% kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang.

"Hasil tuaian juga boleh meningkat sebanyak 40 sehingga 67%, bergantung kepada kawasan tanaman dan amalan kultura petani," kata Ismail Sabri.

Perdana Menteri berkata, inisiatif MOSTI menghasilkan varieti padi baharu IS21 ini adalah salah satu usaha pelengkap dalam usaha meningkatkan sekuriti makanan negara dan ia selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri (self-sufficient level) padi negara, seterusnya mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan.

Katanya, mendukung Aspirasi Keluarga Malaysia, Bajet 2022 yang dibentangkan pada 29 Oktober baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM1.53 bilion³ bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi yang bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60% daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

Kerajaan juga kata Perdana Menteri, sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

Menurut beliau, pendekatan ini dijangka berupaya mewujudkan persekitaran industri kawal selia sendiri seterusnya mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rangkaian pengeluaran padi.

"Saya berharap agar jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengeluaran makanan negara dapat terus bekerjasama bagi memastikan sekuriti dan kemampanan makanan negara serta kesejahteraan rakyat Malaysia secara amnya adalah terjamin.

"Selain itu, saya turut mengambil kesempatan ini melahirkan rasa bangga melihat kerjasama strategik rentas kementerian di antara MOSTI serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (atau MAFI) bagi benih padi IS21. Ini adalah bukti kesepakatan dan kebersamaan Keluarga Malaysia. Tahniah dan teruskan kerjasama erat ini," ujarnya.

Perdana Menteri menamatkan ucapannya dengan seangkap pantun:

Sawah padi luas terbentang,

Cantik warnanya di bawah mentari,

IS21 bukan calang-calang,

Benih padi nuklear dijamin berkualiti. - DagangNews.com

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	NST	ONLINE	

PM to local researchers: Mobilise efforts for agro-food innovation



Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said researchers in various fields of expertise should mobilise their efforts for the development of agro-food innovation to drive the nation towards becoming a high-income nation, thus improving the living standards of Malaysians. - NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

SABAK BERNAM: Local researchers have been urged to come forward to showcase their research and development (R&D), and drive

innovation in the agro-food industry.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said researchers in various fields of expertise should mobilise their efforts for the development of agro-food innovation to drive the nation towards becoming a high-income nation, thus improving the living standards of Malaysians.

"The government always ensures that efforts to increase productivity in the paddy and rice industry is done proactively, including introducing latest technology to face challenges and further strengthen capabilities.

"However, this responsibility cannot be placed on the shoulders of the government and farmers alone, it requires joint efforts, (in the spirit of) inclusiveness and togetherness which are the main thrusts of the Keluarga Malaysia concept."

He said this when launching a new paddy variety, dubbed IS21, developed by Nuclear Malaysia in Sekinchan here, today.

The IS21 paddy seed variety is highly resistant to unpredictable weather and also has resistance to several paddy diseases that often affect farmers.

Ismail Sabri said the new paddy variety also had the potential to give a high yield with a lower planting cost thus increasing the income of farmers if it is properly managed.

"IS21 can produce paddy up to nine tonnes per hectare, depending on the cultivation area.

"Planting costs can be reduced by 10 to 20 per cent due to less usage of fertilisers and pesticides.

"Yields can also increase by 40 to 67 per cent, depending on the cultivation area and the farmer's cultural practices."

This initiative by Nuclear Malaysia under the Science, Technology, and Innovation Ministry, he added, was one of the complementary efforts in improving the country's food security.

He said it was also in line with the government's intention to increase the country's self-sufficiency on rice, thus reducing the dependency on imported rice in the future.

The IS21 paddy seed had received recognition from the International Atomic Energy Agency (IAEA), and the Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) during its 65th General Conference in Vienna, Austria, last September.

It was developed through gamma radiation-induced mutation methods, which is an alternative breeding technology to conventional methods, and has the producing agro-food crops with better characteristics.

These include resistance to sudden weather changes, resistance to biotic and abiotic stresses, as well rapid yield production and better nutrient quality.

Also present at the event were Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Dr Adham Baba, Agriculture and Food Industries minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, and Entrepreneur and Cooperative Development Minister Tan Sri Noh Omar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

Benih padi IS21 mampu tingkatkan hasil lebih tinggi - Adham



SEKINCHAN, 20 Nov -- Teknologi yang digunakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam memperkenalkan benih padi baharu IS21 mampu membantu para pesawah meningkatkan hasil tanaman mereka sebanyak 40 hingga 67 peratus.

Menterinya Datuk Seri Dr Adham Baba berkata benih padi IS21 dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinaran gama, telah dibangunkan atas inisiatif Nuklear Malaysia, agensi di bawah MOSTI.

"Teknologi biak baka mutasi ini merupakan alternatif kepada prosedur pembaikbakaan konvensional dan ia berpotensi digunakan ke atas tanaman agromakanan dalam menghasilkan varieti yang mempunyai ciri-ciri lebih baik.

"Biak baka mutasi ini akan mempunyai ketahanan terhadap perubahan cuaca mendadak, ketahanan terhadap tekanan biotik dan abiotik serta pengeluaran hasil cepat dan mempunyai kualiti yang lebih baik dari segi zat dan nutrisi," katanya di Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini melancarkan benih padi IS21 pada majlis yang turut dihadiri Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Tan Sri Noh Omar.

Menerusi risalah yang diedarkan kepada media, IS21 merupakan singkatan bagi nama Ismail Sabri dan angka 21 mewakili tahun 2021.

Dr Adham berkata benih padi IS21 merupakan contoh hasil penyelidikan dari makmal ke pasaran yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

Beliau turut menjelaskan pembangunan benih padi menggunakan teknologi baharu telah mula membuka peluang perubuhan dan pekerjaan amat memberangsangkan kepada penduduk Sekinchan dan persekitarannya.

Sementara itu, Dr Adham berkata padi IS21 ini telah diiktiraf oleh Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi negara.

"Melalui subsidi ini, pesawah boleh mendapatkan benih padi pada harga RM35 untuk 20kg," katanya.

Sehingga kini, Dr Adham berkata terdapat lebih 15,000 pesawah padi di seluruh negara telah menerima dan menanam padi IS21 ini.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	SUARA TV	ONLINE	

Isu Harga Baja dan Racun: Kerajaan Bantu Kurangkan Beban Pesawah, Petani – PM



SEKINCHAN – Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerajaan amat memahami isu yang dihadapi para pesawah dan petani seluruh negara yang disebabkan oleh kenaikan harga baja dan racun.

Justeru, beliau berkata Kementerian Kewangan telah diarahkan untuk menyelesaikan perkara itu bagi memastikan harga dapat dikurangkan selain menyediakan bantuan tertentu bagi mengurangkan beban petani terutamanya pesawah.

“Kita berbincang perkara ini dalam Kabinet dan kita faham harga racun tinggi, harga padi tinggi, kos akan meningkat dan akan kurangkan dari segi pendapatan bersih para petani terutama pesawah-pesawah.

“Percayalah masalah rakyat, masalah pesawah adalah masalah kerajaan juga dan kita tidak akan biarkan bebanan tersebut ditanggung sendirian oleh pesawah dan petani seluruh negara, insya-Allah kita akan bantu,” katanya pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di sini, hari ini.

Ismail Sabri menjelaskan peningkatan harga baja dan racun adalah disebabkan barangan itu diimport dari luar negara.

Walaupun terdapat syarikat dalam negara termasuk koperasi dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengeluarkan baja serta racun, namun beliau berkata bahan mentah barangan itu juga diimport dari luar.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa berusaha mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras dilakukan secara proaktif, termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan lagi keupayaan.

“Namun, tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan, pesawah dan petani semata-mata tetapi memerlukan usaha bersama sebagaimana sering saya tekankan iaitu keterangkuman dan kebersamaan yang merupakan antara teras utama konsep Keluarga Malaysia,” katanya.

Bagi tujuan itu, beliau menyeru lebih ramai penyelidik tempatan pelbagai bidang kepakaran turut sama mengetengahkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menggembelng tenaga membangunkan inovasi agromakanan ke arah memacu Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi, sekali gus meningkatkan taraf hidup Keluarga Malaysia.

Katanya, kerajaan juga sentiasa bersiap siaga mendepani cabaran dunia dan tampil dengan pelbagai inisiatif berpaksikan rakyat, termasuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Ismail Sabri berkata sasaran utama kerajaan adalah ke arah negara berteknologi tinggi serta berpendapatan tinggi dengan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dikenal pasti sebagai satu daripada teras utama RMK12.

Bagi tujuan itu, beliau berkata peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) amat penting dalam merangka strategi R&D&C&I melalui pembangunan dan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Mengulas mengenai majlis hari ini, Ismail Sabri berkata baka padi baharu IS21 adalah projek teknologi berimpak tinggi MOSTI yang diusahakan Agensi Nuklear Malaysia dengan benih padi itu mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca tidak menentu dan rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

Selain itu, baka padi IS21 juga berpotensi memberikan hasil tuai yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan kerajaan, selain IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman.

“Kos penanaman dapat dikurangkan sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang. Hasil tuaian juga boleh meningkat sebanyak 40 sehingga 67 peratus, bergantung kepada kawasan tanaman dan amalan kultura petani,” katanya.

Ismail Sabri berkata inisiatif MOSTI menghasilkan varieti padi baharu IS21 adalah antara usaha meningkatkan sekuriti makanan negara dan ia selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri padi negara, seterusnya mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan.

Menurutnya Agensi Nuklear Malaysia yang menghasilkan benih padi IS21 telah menerima pengiktirafan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria pada Sept lepas bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman.

Mendukung Aspirasi Keluarga Malaysia, beliau berkata Bajet 2022 memperuntukkan RM1.53 bilion bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

Ismail Sabri berkata kerajaan juga sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

Pendekatan itu dijangka mewujudkan persekitaran industri kawal selia sendiri seterusnya mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rangkaian pengeluaran padi, katanya.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Tan Sri Noh Omar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Kenaikan harga baja dan racun: K'jaan bantu kurangkan beban pesawah, petani



Ismail Sabri (dua, kanan) ketika melawat tapak pameran selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sekinchan, hari, ini. -Gambar Bernama

SEKINCHAN: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerajaan amat memahami isu yang dihadapi para pesawah dan petani seluruh negara yang disebabkan oleh kenaikan harga baja dan racun.

Justeru, beliau berkata Kementerian Kewangan telah diarahkan untuk menyelesaikan perkara itu bagi memastikan harga dapat dikurangkan selain menyediakan bantuan tertentu bagi mengurangkan beban petani terutamanya pesawah.

“Kita berbincang perkara ini dalam Kabinet dan kita faham harga racun tinggi, harga padi tinggi, kos akan meningkat dan akan kurangkan dari segi pendapatan bersih para petani terutama pesawah-pesawah.

“Percayalah masalah rakyat, masalah pesawah adalah masalah kerajaan juga dan kita tidak akan biarkan bebanan tersebut ditanggung sendirian oleh pesawah dan petani seluruh negara, insya-Allah kita akan bantu,” katanya pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di sini, hari ini.

Ismail Sabri menjelaskan peningkatan harga baja dan racun adalah disebabkan barangan itu diimport dari luar negara.

Walaupun terdapat syarikat dalam negara termasuk koperasi dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengeluarkan baja serta racun, namun beliau berkata bahan mentah barangan itu juga diimport dari luar.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa berusaha mempertingkatkan produktiviti industri padi dan beras dilakukan secara proaktif, termasuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mendepani cabaran serta memperkasakan lagi keupayaan.

“Namun, tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan di bahu kerajaan, pesawah dan petani semata-mata tetapi memerlukan usaha bersama sebagaimana sering saya tekankan iaitu keterangkuman dan kebersamaan yang merupakan antara teras utama konsep Keluarga Malaysia,” katanya.

Bagi tujuan itu, beliau menyeru lebih ramai penyelidik tempatan pelbagai bidang kepakaran turut sama mengetengahkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menggembelng tenaga membangunkan inovasi agromakanan ke arah memacu Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi, sekali gus meningkatkan taraf hidup Keluarga Malaysia.

Katanya, kerajaan juga sentiasa bersiap siaga mendepani cabaran dunia dan tampil dengan pelbagai inisiatif berpaksikan rakyat, termasuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu pelan pembangunan menyeluruh untuk manfaat Keluarga Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Ismail Sabri berkata sasaran utama kerajaan adalah ke arah negara berteknologi tinggi serta berpendapatan tinggi dengan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dikenal pasti sebagai satu daripada teras utama RMK12.

Bagi tujuan itu, beliau berkata peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) amat penting dalam merangka strategi R&D&C&I melalui pembangunan dan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Mengulas mengenai majlis hari ini, Ismail Sabri berkata baka padi baharu IS21 adalah projek teknologi berimpak tinggi MOSTI yang diusahakan Agensi Nuklear Malaysia dengan benih padi itu mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca tidak menentu dan rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering menyerang dan merugikan pesawah.

Selain itu, baka padi IS21 juga berpotensi memberikan hasil tuai yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan pesawah jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan kerajaan, selain IS21 mampu mengeluarkan hasil padi sehingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman.

“Kos penanaman dapat dikurangkan sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang. Hasil tuaian juga boleh meningkat sebanyak 40 sehingga 67 peratus, bergantung kepada kawasan tanaman dan amalan kultura petani,” katanya.

Ismail Sabri berkata inisiatif MOSTI menghasilkan varieti padi baharu IS21 adalah antara usaha meningkatkan sekuriti makanan negara dan ia selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri padi negara, seterusnya mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa hadapan.

Menurutnya Agensi Nuklear Malaysia yang menghasilkan benih padi IS21 telah menerima pengiktirafan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) sempena Persidangan Agung kali ke-65 di Vienna, Austria pada Sept lepas bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman.

Mendukung Aspirasi Keluarga Malaysia, beliau berkata Bajet 2022 memperuntukkan RM1.53 bilion bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara, dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

Ismail Sabri berkata kerajaan juga sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

Pendekatan itu dijangka mewujudkan persekitaran industri kawal selia sendiri seterusnya mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rantaian pengeluaran padi, katanya.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Khandee dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Tan Sri Noh Omar. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Benih padi IS21 tingkatkan hasil 40-67 peratus lebih tinggi



Ismail Sabri Yaakob (dua, kanan) ketika melawat tapak pameran selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sekinchan, hari, ini.

SEKINCHAN: Teknologi benih padi baharu IS21 inisiatif Nuklear Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) membantu meningkatkan produktiviti padi dengan anggaran hasil 40 hingga 67 peratus lebih

tinggi berbanding purata pengeluaran kebangsaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata benih padi IS21 juga mampu mengeluarkan hasil padi hingga 9 tan sehektar mengikut kawasan penanaman manakala kos penanaman dapat dikurangkan sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang.

Katanya, IS21 dijana melalui teknologi nuklear dengan kaedah mutasi aruhan sinaran gama mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa akan datang.

"Teknologi biak baka mutasi ini adalah alternatif kepada prosedur pembaikbakaan konvensional dan ia berpotensi digunakan ke atas tanaman agromakanan dalam menghasilkan varieti yang mempunyai ciri-ciri lebih baik.

"Biak baka mutasi ini akan mempunyai ketahanan terhadap perubahan cuaca mendadak, ketahanan terhadap tekanan biotik dan abiotik serta pengeluaran hasil cepat dan mempunyai kualiti yang lebih baik dari segi zat dan nutrisi," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di sini, hari ini.

Pelancaran itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Padi IS21 dinamakan sempena nama Perdana Menteri iaitu IS adalah singkatan bagi nama Ismail Sabri dan angka 21 mewakili tahun 2021.

Varieti Padi IS21 telah didaftarkan di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 Jabatan Pertanian melalui Certificate of Registration of New Plant Variety and Grant of Breeder's Right (Nombor Pendaftaran: PBR 0156 (NMR152).



Ismail Sabri (kiri) menerima cenderahati daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sekinchan, hari, ini. - Foto BERNAMA

Padi IS21 ini diiktiraf oleh Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras sebagai benih padi sah negara dan dimasukkan dalam skim subsidi padi negara.

Melalui subsidi ini, pesawah boleh mendapatkan benih padi pada harga RM35 untuk 20kg.

Dr Adham berkata benih padi IS21 adalah contoh hasil penyelidikan dari makmal ke pasaran yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

Beliau turut menjelaskan pembangunan benih padi menggunakan teknologi baharu telah mula membuka peluang perusahan dan pekerjaan amat memberangsangkan kepada penduduk Sekinchan dan persekitarannya.

Hingga kini, Dr Adham berkata, terdapat lebih 15,000 pesawah di seluruh negara telah menerima dan menanam padi IS21 ini.

IS21 mampu mengeluarkan hasil padi hingga sembilan tan sehektar mengikut kawasan penanaman manakala kos penanaman dapat dikurangkan sebanyak 10 hingga 20 peratus kerana penggunaan baja dan racun perosak yang kurang.

Hasil tuaian juga boleh meningkat sebanyak 40 hingga 67 peratus, bergantung kepada kawasan tanaman dan budaya serta amalan petani.

Pada 20 September lalu, Nuklear Malaysia telah menerima pengiktirafan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) serta Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) atas pencapaian dalam pembiakan mutasi tumbuhan dan bidang bioteknologi berkaitan dalam usaha meningkatkan sekuriti makanan melalui penggunaan radiasi bagi mempelbagai jenis benih yang lebih berkualiti.

Agensi itu telah dinamakan sebagai antara penerima Anugerah Pencapaian Cemerlang dalam Pembiakan Mutasi Tumbuhan semasa Persidangan Agung ke-65 IAEA yang berlangsung di Vienna, Austria.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

LPNM sedia geran RM20,000 kepada belia sertai penanaman nanas secara berkelompok



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (depan, tiga kiri) bergambar kenangan bersama pengusaha nanas Pasir Puteh yang menerima bakul makanan serpena program penyampaian bakul makanan MAFI Prihatin dan Insentif Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) 2021 di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pasir Puteh. Turut hadir Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Mohd Khairuzamri M.

PASIR PUTEH, 20 Nov – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bersedia untuk menyalur geran bantuan bernilai RM20,000 kepada setiap belia berumur 40 tahun ke bawah yang berminat untuk menanam nanas secara berkelompok.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata langkah itu selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kawasan tanaman nanas negara selain permintaan tinggi terhadap buah tropika itu yang mampu memberi pulangan tinggi kepada pekebunnya.

“Ketika ini keluasan tanaman nanas di seluruh negara ialah 17,000 hektar, kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi kepada 20,000 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), langkah ini berdasarkan permintaan tinggi terhadap buah tropika itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Bakul Makanan MAFI Prihatin dan Insentif LPNM kepada 500 penduduk Parlimen Pasir Puteh, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata Kelantan dilihat mempunyai potensi yang besar menjadi pengeluar utama nanas pada masa hadapan bagi menampung permintaan tinggi yang diterima dari dalam dan luar negara.

"Tanaman nanas telah dikategorikan oleh kerajaan sebagai sumber kekayaan baharu negara terutamanya varieti MD2. Nilai eksport nanas meningkat kepada RM641 juta pada tahun 2020 berbanding RM492 juta tahun sebelumnya," kata Nik Muhammad Zawawi.

Sementara itu, Ketua Pengarah LPNM Mohd Khairuzamri M Salleh berkata pihaknya menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan pengusaha nanas kepada RM8,000 sebulan dalam tempoh RMK-12 berbanding kira-kira RM5,000 sebulan dalam tempoh pelaksanaan RMK sebelumnya.

– BERNAMA